

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (13)
Tarikh : 31 Disember 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

JADUAL PROSES GAJI IGFMAS PERINGKAT AO REGULAR CYCLE BAGI TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024 bertajuk Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2025.

2. Sukacita dengan ini dilampirkan Jadual Proses Gaji iGFMAS Peringkat AO *Regular Cycle* bagi tahun 2025. Sila patuhi tarikh yang ditetapkan dalam jadual ini bagi memastikan kelancaran proses gaji tahun 2025.

3. PTJ hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi sebelum dan semasa proses tindakan input ke modul HCM dilaksanakan:

- i. Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) digunakan;
- ii. Borang Kew.320 telah disemak dan disahkan oleh penyelia sebelum input dilakukan;
- iii. Dokumen sokongan yang lengkap dilampirkan dengan Borang Kew.320;
- iv. Laporan Edit (ZRPY043) disemak;
- v. Tindakan simulasi PTJ (ZRPY106) perlu dibuat ;
- vi. **TIADA RALAT** pada Laporan Simulasi Gaji (ZRPY106) semasa menghantar status PTJ Simulasi (*Payroll Readiness Status*) melalui Kod ZRPY101 ke AO Perak; dan
- vii. Laporan Semak Edit, Laporan Simulasi Gaji (ZRPY106) dan Laporan Status Simulasi – PTJ (ZRPY101) dicetak, disemak dan perlu didokumentasikan setiap bulan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Unit Gaji melalui *person in charge (PIC)* berkaitan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**